majlis perbandaran
ALOR GAJAH

GARIS PANDUAN ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN KE PEJABAT

Majlis Perbandaran Alor Gajah

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	M/S
1.0	OBJEKTIF	3
2.0	DEFINASI	4
3.0	PANDUAN PAKAIAN KE PEJABAT	5 – 16
4.0	PERKARA YANG DILARANG DALAM ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN KE PEJABAT	17 – 20
5.0	AKSESORI	21
6.0	TIPS TAMBAHAN	22
7.0	RUJUKAN	23
8.0	RUMUSAN	24

1.0 OBJEKTIF

Garis panduan ini diwujudkan untuk dijadikan panduan kepada warga kerja MPAG supaya wujud keseragaman (uniformity) dan konsistensi cara berpakaian dan penampilan diri bagi melahirkan imej korporat MPAG. Panduan ini menjelaskan secara terperinci mengenai tatacara berpakaian berdasarkan peraturan-peraturan yang sedang berkuat kuasa.

Di samping menekankan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, MPAG turut menitikberatkan penampilan dan keterampilan warga kerjanya bagi memberikan imej yang baik kepada Majlis. Cara berpakaian melambangkan keperibadian penjawat awam serta nilai-nilai dan etika kerja yang murni. Warga kerja MPAG hendaklah memberi perhatian serius terhadap perkara ini kerana kegagalan mematuhi peraturan-peraturan ini boleh menyebabkan warga kerja MPAG diambil tindakan di bawah Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Perbandaran Alor Gajah (Kelakuan Dan Tatatertib) 2008.

2.0 DEFINASI

2.1 **"Warga Kerja"** bermaksud pegawai dan anggota MPAG dalam Kumpulan Pengurusan Dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana

2.2 **"Waktu Bekerja"** adalah seperti berikut :-

i) **Waktu Bekerja** Biasa bermaksud daripada Isnin hingga Jumaat mulai jam 7.30 pagi hingga 5.30 petang.

ii) **Waktu Bekerja** Giliran bermaksud daripada Isnin hingga Ahad (tertakluk kepada penetapan waktu bekerja semasa oleh Jabatan/Unit berkaitan).

3.0 PANDUAN PAKAIAN KE PEJABAT

3.1 LOUNGE SUIT

3.1.1 Lelaki

- ✓ Gabungan two-piece suit yang terdiri daripada :-
  - Kot
  - Seluar panjang
- ✓ Sut perlu dipadankan dengan kemeja lengan panjang dan tali leher.
- ✓ Seluar dan kot mestilah sepadan dari segi warna dan jenis bahan.
- ✓ Berwarna gelap bersesuaian dengan imej korporat.

3.0 PANDUAN PAKAIAN KE PEJABAT

3.1.2 WANITA

- ✓ Gabungan two-piece suit yang terdiri daripada :-
  - Kot
  - Skirt labuh, tidak ketat dan menjolok mata
- ✓ Sut perlu dipakai dengan kemeja lengan panjang yang dibutangkan atau memakai cuff link.
- ✓ Skirt dan kot mestilah sepadan dari segi warna dan jenis bahan.
- ✓ Berwarna gelap bersesuaian dengan imej korporat.

3.0 PANDUAN PAKAIAN KE PEJABAT

3.1.3 TWO / THREE-PIECE SUIT PANTS BAGI WARNA KERJA WANITA

- ✓ Gabungan two / three-piece suit pants yang terdiri daripada:
  - Kot
  - Seluar panjang polos yang tidak ketat dan menjolok mata (slacks)
- ✓ Sut perlu dipakai dengan kemeja lengan panjang yang dibutangkan atau memakai cuff link.
- ✓ Seluar dan kot mestilah sepadan dari segi warna dan jenis bahan.
- ✓ Berwarna gelap bersesuaian dengan imej korporat.

3.0 PANDUAN PAKAIAN KE PEJABAT

3.2 KEMEJA

- ✓ Kemeja berkolar dan berlengan panjang hendaklah dibutangkan atau memakai cuff link.
- ✓ Kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam (tuck-in) dan jika baju tersebut berlengan panjang, lengan baju tidak boleh dilipatkan.
- ✓ Pilihan warna dan corak yang digalakkan adalah warna pastel.
- ✓ Kemeja berjalur seeloknya dipadankan dengan tali leher tanpa corak atau sebaliknya.
- ✓ Sekiranya kemeja mempunyai butang kolar, kolar harus dibutangkan.
- ✓ Lebar kolar hendaklah bersesuaian.

3.0 PANDUAN PAKAIAN KE PEJABAT

3.3 TALI LEHER

- ✓ Ikatan tali leher yang sesuai adalah simpul tiga.
- ✓ Kedudukan pin tali leher adalah di bahagian tengah saku baju. Jika memakai lounge suit, tempat pin yang sesuai ialah searas atas saku baju.
- ✓ Jika mengenakan pocket handkerchief, tali leher hendaklah dipadankan dengan corak yang sama
- ✓ Hujung kepala tali leher seeloknya mencecah bahagian buckle tali pinggang.

3.0 PANDUAN PAKAIAN KE PEJABAT

3.4 BAJU BATIK

- ✓ Baju batik adalah wajib di pakai di pejabat pada setiap hari Khamis.
- ✓ Arahan pemakaian batik pada setiap hari Khamis ini dikecualikan kepada pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam.
- ✓ Batik yang dipakai hendaklah bercirikan batik Malaysia.
- ✓ Digalakkan membawa baju batik semasa menghadiri urusan rasmi di luar. Negara dan memakainya di majlis yang bersesuaian. Ini bagi melambangkan identiti dan imej Malaysia.

3.0 PANDUAN PAKAIAN KE PEJABAT

3.5 PAKAIAN KEBANGSAAN / TRADISIONAL

✓ Pakaian kebangsaan / tradisional ialah :-

- Baju Melayu (digalakkan pada hari Jumaat bagi lelaki)
- Baju Kurung
- Baju Kebaya
- Sari
- Sut Punjabi
- Cheongsam

✓ Baju Melayu yang lengkap adalah bersampin, bersongkok hitam dan berbutang.

✓ Baju Melayu tidak dibenarkan dipakai dengan seluar yang berbeza warna atau jenis bahan dan berselipar.

✓ Baju Kurung atau Kebaya hendaklah dipakai mengikut keselesaan (tidak terlalu ketat dengan kelabuhan yang bersesuaian).

✓ Fesyen Baju Kurung dan Baju Kebaya hendaklah tidak keterlaluan serta tidak menggunakan fabrik yang jarang.

✓ Sut Punjabi, Cheongsam dan Sari yang bersesuaian dan sopan.

✓ Pakaian ini hendaklah dipakai secara lengkap dan bersesuaian untuk menjalankan tugas rasmi.

3.0 PANDUAN PAKAIAN KE PEJABAT

3.6 PAKAIAN SERAGAM

✓ Pakaian seragam dibekalkan kepada pegawai dan anggota penguatkuasa, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, petugas kaunter, Pembantu Penilaian, Pembantu Kemahiran, Tukang, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis, Pembantu Operasi, Pembantu Awam, Pekerja Awam dan Pengawal.

✓ Pegawai dan anggota yang dibekalkan dengan pakaian seragam wajib memakainya semasa bekerja.

PAKAIAN SERAGAM OPERASI PENGUATKUASA LELAKI / WANITA

3.0 PANDUAN PAKAIAN KE PEJABAT

PAKAIAN SERAGAM PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN, PEMBANTU PENILAIAN, PENGHANTAR NOTIS, PEMANDU KENDERAAN DAN PEMBANTU OPERASI LELAKI / WANITA

3.0 PANDUAN PAKAIAN KE PEJABAT

PAKAIAN SERAGAM PETUGAS KAUNTER LELAKI / WANITA

PAKAIAN SERAGAM PENGAWAL LELAKI

3.0 PANDUAN PAKAIAN KE PEJABAT

PAKAIAN SERAGAM PEMBANTU KEMAHIRAN / TUKANG LELAKI

PAKAIAN SERAGAM PEMBANTU AWAM / PEKERJA AWAM LELAKI / WANITA

3.0 PANDUAN PAKAIAN KE PEJABAT

3.7 KASUT

3.7.1 LELAKI

- ✓ Bersih dan berkilat.
- ✓ Bertumit digalakkan (0.5" - 1.0").
- ✓ Bertutup.
- ✓ Berwarna gelap.
- ✓ Kulit / PVC atau setara.
- ✓ Sarung kaki sepadan dengan seluar atau kasut.

3.7.2 WANITA

- ✓ Bertumit (digalakkan 1.5" - 2.0").
- ✓ Bertutup.
- ✓ Berwarna gelap.
- ✓ Kulit / PVC atau setara.
- ✓ Sarung kaki yang sesuai dengan warna kulit (sekiranya memakai sarung kaki).

4.0 PERKARA YANG DILARANG DALAM ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN KE PEJABAT

4.1 LELAKI

4.1.1 Kepala

- ✓ Menindik telinga.
- ✓ Berambut panjang.
- ✓ Mewarnakan rambut.
- ✓ Rambut mencacak, punk, atau skinhead.
- ✓ Janggut yang tidak kemas dan mencecah butang atas baju.
- ✓ Misai melebihi bahagian atas bibir.

4.1.2 Badan

- ✓ Memakai sut yang berlainan warna dengan warna seluar jika memakai sports-jacket.
- ✓ Memakai tali leher berkarakter kartun atau karakter-karakter lain yang tidak sesuai.
- ✓ Memakai bow tie.
- ✓ Berkuku panjang dan tidak bersih.
- ✓ Memakai tali leher jika baju berlengan pendek.
- ✓ Kemeja bercetakkan perkataan yang tidak sesuai, logo, gambar atau slogan yang bercirikan unsur politik, ganas, seram, lucah dan yang seumpamanya.
- ✓ Memakai kemeja T (t-shirt), seluar pendek atau jeans pada waktu pejabat.
- ✓ Memakai Baju Melayu yang tidak lengkap pada hari Jumaat (tanpa songkok dan sampin atau memakai kain pelekat).

4.1.3 Kaki

- ✓ Memakai selipar, kasut getah, sandal atau kasut sukan.
- ✓ Kasut yang tiada bertumit (kecuali atas sebab kesihatan).

4.1.4 Keterampilan Umum

- ✓ Mencacah tattoo.
- ✓ Nafas berbau.
- ✓ Mempunyai bau badan (khususnya bau rokok).

4.2 WANITA

4.2.1 Kepala

- ✓ Rambut yang tidak disisir rapi (jika dilepaskan, rambut hendaklah disisir rapi).
- ✓ Mewarnakan rambut secara berlebihan.

4.2.2 Badan

- ✓ Berkuku panjang dan kotor.
- ✓ Berpakaian menjolok mata (jarang, nipis, singkat, berleher luas atau terlalu ketat) atau fesyen yang tidak sesuai untuk ke pejabat.
- ✓ Kemeja berlengan pendek kecuali pakaian seragam / baju korporat yang dibenarkan oleh pihak pengurusan untuk program / aktiviti yang ditetapkan.
- ✓ Kemeja bercetakkan perkataan yang tidak sesuai, logo, gambar atau slogan yang bercirikan unsur politik, ganas, seram, lucah dan yang seumpamanya.
- ✓ Memakai kemeja T (t-shirt), seluar pendek atau jeans pada waktu pejabat.

4.2.3 Kaki

- ✓ Kasut tiada bertumit tidak digalakkan (kecuali atas sebab kesihatan).
- ✓ Memakai selipar, kasut getah, sandal atau kasut sukan.

4.2.4 Keterampilan Umum

- ✓ Solekan yang berlebihan.
- ✓ Mencacah tattoo.
- ✓ Memakai wangian yang tidak sesuai dan berlebihan.

5.0 AKSESORI

5.1 AKSESORI

5.1.1 Lelaki

- ✓ Pin Tali Leher - Dipakai selari dengan bahagian tengah saku baju.
- ✓ Tali Pinggang - Warna tali pinggang sepadan dengan warna kasut.

5.1.2 Wanita

- ✓ Rantai / Gelang / Cincin - Sederhana serta tidak terlalu sarat dan mewah.
- ✓ Solekan - Mengenakan solekan yang sederhana dan tidak keterlaluan bersesuaian dengan situasi dan keadaan.
- ✓ Beg Tangan - Beg tangan yang bersesuaian dari segi saiz dan bentuk.

5.1.3 Lelaki Dan Wanita

- ✓ Jam Tangan - Bersesuaian.
- ✓ Cermin Mata - Pilih bingkai yang bersesuaian.
- ✓ Wangian / Semburan - Pilih bauan yang lembut dan minimal bersesuaian dengan keadaan bagi mengelakkan situasi kurang menyenangkan.

6.0 TIPS TAMBAHAN

6.1 LELAKI DAN WANITA

- ✓ Bagi mereka yang bertubuh gempal, digalakkan memilih baju bercorak jalur menegak bagi memberi impresi tubuh yang lebih tinggi. Selain itu, baju kurung bercorak bunga besar harus dielakkan bagi wanita yang bertubuh gempal
- ✓ Bagi mereka yang kurus, digalakkan untuk memilih baju berjalur melintang dan bermotifkan bunga besar bagi wanita.
- ✓ Elakkan memakai kemeja daripada fabrik yang jarang dan berkilat.

6.2 WANITA

- ✓ Baju kurung hendaklah tidak melebihi dari 3 kombinasi warna bagi menampilkan imej korporat.
- ✓ Skirt labuh potongan pensil memberikan kesan penampilan yang kemas dan menarik untuk semua potongan tubuh.

6.3 WANITA MENGANDUNG

- ✓ Hendaklah memakai baju mengandung yang labuh dan longgar.
- ✓ Memakai kemeja atau blaus sama ada plain atau ber corak yang melepasi punggung dan dipadankan dengan skirt labuh yang longgar.
- ✓ Memakai maxi atau jubah labuh.
- ✓ Memakai kasut atau sandal yang sesuai dan selesa.

7.0 RUJUKAN

Buku Garis Panduan Etika Berpakaian Dan Penampilan Ke Pejabat ini adalah tertakluk kepada arahan sedia ada yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Alor Gajah dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) :-

- ✓ Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 1975 - Pindaan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1974 Mengenai Pakaian Masa Bekerja Dan Semasa Menghadiri Upacara-Upacara Rasmi Bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan.
- ✓ Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1985 - Pakaian Masa Bekerja Semasa Menghadiri Upacara-Upacara Rasmi Bagi Pegawai Awam.
- ✓ Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2006 Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja Dan Menghadiri Upacara Rasmi.
- ✓ Kaedah Kaedah Pegawai Majlis Perbandaran Alor Gajah (Kelakuan Dan Tatatertib) 2008.
- ✓ Surat Pekeliling Perkhidmatan Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2008 - Pemakaian Pakaian Batik Malaysia Oleh Pegawai Awam Pada Hari Khamis.
- ✓ Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2013 -Pemakaian Two / Three Piece Pant Suit Bagi Pegawai Awam Wanita Semasa Bekerja.

Maklumat dalam buku garis panduan ini adalah tepat pada waktu ia dikeluarkan. Namun, ianya tertakluk kepada sebarang perubahan oleh agensi pusat dan Pengurusan MPAG.

8.0 RUMUSAN

Penerbitan Buku Garis Panduan Etika Dan Pemakaian Ke Pejabat ini diharap dapat dijadikan panduan lengkap kepada semua warga kerja MPAG mengenai etika dan tatacara berpakaian ke pejabat. Amalan berpakaian yang kemas adalah penting untuk merealisasikan hasrat Majlis Perbandaran Alor Gajah untuk menjadikan warga kerjanya sebagai penjawat awam yang berimej unggul dan profesional pada setiap masa. Penampilan diri yang kemas dan bersih mampu mengangkat imej yang baik kepada MPAG selaras dengan peraturan semasa yang telah ditetapkan kepada semua warga kerja MPAG dan Kerajaan.

Bahagian Pentadbiran Dan Kesetiausahaan
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Alor Gajah
Melaka.

Mac 2019